



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	17 August 2015



Najib bersalaman dengan Abdullah ketika hadir merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kepala Batas, semalam. (FOTO ROSLI AHMAD/BH)

'Tidak munasabah belanja PRU RM10j'

BH-17/8/2015

» PM sifatkan kenyataan Tun M tak berasas, boleh cetus kekeliruan

Oleh Jalal Ali Mohd Abdul Rahim, M Hifzuddin Ikhshan, Siti Fatimah Mohamed Anwar dan Siti Sofia Md Nasir
bhnews@bh.com.my

✦ Kepala Batas

Datuk Seri Najib Razak menyifatkan kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa hanya membelanjakan RM10 juta ketika menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-10 adalah sebagai tidak munasabah.

Presiden UMNO berkata, sebagai bekas Perdana Menteri, Dr Mahathir seharusnya mengeluarkan kenyataan berasas dan masuk akal kerana ia dibimbangi boleh mencetuskan kekeliruan banyak pihak.

"Dia (Dr Mahathir) mendakwa pada PRU 1999, beliau hanya berbelanja RM10 juta sahaja untuk parti, hanya RM10 juta. Saya cagak punya cagak perbelanjaan minimum sahaja, termasuk deposit 193 kerusi Parlimen dan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pun mencecah RM41 juta.

"Itu baru perbelanjaan minimum, maknanya satu Parlimen belanja RM100,000 sementara DUN RM50,000. Apabila saya campur semuanya dianggarkan RM41 juta, itu pun sudah lebih RM10 juta dan belum masuk perbelanjaan lain," kata Perdana Menteri ke-



Najib disambut perwakilan ketika hadir pada Majlis Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Gerik, semalam. (FOTO MUHAZAN YAHYA/BH)

tika merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kepala Batas di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman; Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Baru-baru ini, Dr Mahathir melalui blognya mendakwa hanya menghabiskan kurang daripada RM50 juta bagi semua lima PRU yang dimenangkannya sepanjang menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO sebelum ini.

Najib berkata, parti itu kini berhadapan kemelut politik, namun apa yang berlaku pada hari ini disifatkan tidak 'seberat' krisis yang dihadapi UMNO pada tahun 1987.

"Kita boleh bandingkan keadaan yang dilalui parti pada tahun 1987, presiden pada masa itu menang dengan majoriti 43 undi sahaja. Ini bererti hampir separuh ahli UMNO menolok kepemimpinannya.

"Bukan setakat itu sahaja, krisis itu membawa kepada terkuburnya UMNO sehingga kita terpaksa menghidupkan parti menerusi UMNO baharu. Pada waktu itu, kita berdepan Pilihan Raya Kecil (PRK) di Johor Bahru yang menyaksikan kita kalah besar," katanya.

Semangat cintakan parti

Najib berkata, bagaimanapun UMNO berjaya keluar daripada kemelut dan krisis itu kerana setiap pemimpin dan ahli akar umbi mempunyai semangat dan rasa cinta serta kasih terhadap parti.

Terdahulu, beliau mengumumkan peruntukan RM36 juta bagi projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bertam Putra dan RM25 juta bagi membina Sekolah Kebangsaan (SK) Bertam Putra yang dijangka dilaksana tahun hadapan.

Najib turut mengumumkan peruntukan RM340 juta bagi projek naik taraf jalan Jambatan Tun Abdul Rahman ke Jambatan Merdeka di Sebe-

rang Prai Utara yang dijangka dapat dilaksanakan pada 2017.

Di Seberang Jaya, Najib meluahkan masa kira-kira 20 minit bagi menghadiri sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri UMNO Bahagian Bagan yang turut dihadiri Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Tan Cheng Yeow dan Ketua UMNO Bahagian Bagan, Datuk Shaikh Hussein Mydin.

Beri sokongan atasi isu

Di Gerik, Perdana Menteri meminta rakyat terutama ahli UMNO memberi sokongan padu kepadanya dalam usaha mengatasi pelbagai masalah dihadapi negara kini, termasuk isu kejatuhan ringgit.

"Kalau nak kira masalah, zaman saya boleh dikatakan tak berapa banyak masalah. Zaman orang lain yang memerintah selama 22 tahun barangkali lebih besar masalah.

"Ketika krisis parti pada tahun 1987, wujud Team A dan Team B sehingga UMNO diharamkan.

"Tetapi masalah itu berjaya dilepasi kerana orang macam saya memberikan sokongan kepada Perdana Menteri ketika itu. Kita susun balik parti, kekuatan barisan, yakin kepada pucuk pimpinan, bergerak dalam saf yang besar, maka kini kita muncul sebagai parti yang gagah perkasa," katanya berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Gerik di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Pengerusi Veteran UMNO Malaysia, Tan Sri Mohd Tajol Rosli Chazali dan Ketua UMNO Bahagian Gerik yang juga Ahli Parlimen Gerik, Datuk Hasbullah Osman.

Najib berkata, sokongan ahli UMNO kini dituntut bagi membolehkannya mengatasi masalah termasuk ekonomi dan kejatuhan mata wang yang di luar kawalan.

Sementara itu, pada majlis sama Najib berkata, beliau akan mengumumkan peruntukan tambahan untuk setiap Ahli Parlimen yang kini menerima RM5 juta setahun.